

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

12 JANUARI 2018

JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
THE STAR	WEE: JOHOR CHINESE SCHOOLS IN THE WORKS AS PLANNED	2



# THE STAR

## Wee: Johor Chinese schools in the works as planned

**JOHOR BARU:** The new five Chinese primary schools or SJK (C) to be built in Johor are expected to be completed and operational as planned, said deputy president Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

Dr Wee, who is also Johor MCA chairman, said the party received reports from the schools' board of directors on its progress and find it to be satisfactory.

"We gave them a month to identify suitable sites for the new schools. They were able to get this done within a short period," he said at a press conference after chairing a closed door meeting with the board of directors from the five schools at SJK (C) Johor Jaya here yesterday.

Dr Wee said various other preparation works for the schools – such as getting the necessary develop-

ment planning approvals – were also completed.

The new five schools are SJK (C) Kuek Ho Yao in Mount Austin; SJK (C) Sim Mow Yu in Meridin east, Taman Bistari Perdana and SJK (C) Tun H.S. Lee in Bandar Cemerlang, Ulu Tiram in the Tebrau constituency.

SJK (C) Cheah Fah in Sunway Iskandar, Iskandar Puteri and SJK (C) Tan Kah Kee, Gerbang Nusajaya,

Iskandar Puteri are in the Gelang Patah parliamentary constituency.

He said apart from the five schools, the Education Ministry approved the relocation of SJK (C) Poay Chai in Singkir, Kedah to Taman Bukit Indah near here.


The application to relocate SJK (C) Ladang Grisek, Taman Kota Masai, Pasir Gudang is in process.

At the event Dr Wee also

announced that MCA vice-president Datuk Seri Dr Hou Kok Hung was appointed to oversee the development of the five SJK (C) and the relocation of the two SJK (C) in Johor.

On the preparations for the upcoming general election, he said MCA's election machinery is already in place, adding the party started preparing after the GE13 in 2013.

12/1/18 ps



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

13 JANUARI 2018

SABTU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	UTC PASIR GUDANG MUDAHKAN URUSAN PENDUDUK SETEMPAT	2



# SINAR HARIAN

## UTC Pasir Gudang mudahkan urusan penduduk setempat

PASIR GUDANG - Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pasir Gudang yang mula beroperasi penghujung tahun lalu dapat memberi perkhidmatan setempat kepada penduduk kawasan berkenaan khususnya.

Malah, kemudahan tersebut turut memudahkan penduduk kawasan Pengerang dan Kota Tinggi amnya selaras dengan pembangunan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (Rapid) Pengerang.

Oleh itu, Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang, di sini dipilih sebagai lokasi UTC Pasir Gudang memandangkan kedudukannya yang strategik bagi penduduk Pasir Gudang dan pelengkap kepada pembangunan hab petroleum di Pengerang.

Tinjauan Sinar Harian mendapati rata-rata penduduk setempat bersyukur dapat meningkat pelbagai perkhidmatan bawah satu bumbung dan memberitahulokasi tersebut adalah strategik kerana mempunyai akses kepada pelbagai kemudahan dan pengangkutan awam.

Peniaga kedai runcit yang tinggal di Kampung Kopok, di sini, Ruzanita Amir, 39, berkata, dia mahupun masyarakat di sekitar tidak perlu lagi ke pusat bandar Johor Bahru bagi mendapatkan perkhidmatan dan kemudahan kerajaan lagi selepas ini.

"Sudahlah nak ke Johor Bahru pun agak jauh, tambah pula limpahan pelanggan UTC Johor Bahru yang semakin meningkat menyebabkan kami terpaksa menunggu lama," katanya.

Sementara itu, Siti Khatijah Nazaruddin, 35, yang bermilaga kuil di Kampung



RUZANITA



SAMAD



SITI KHATIJAH

13/1/18 SH

urusan terpaksa dilakukan sama ada di Setia Tropika atau UTC Johor Bahru.

"Sudahlah mak ke Johor Bahru pun agak jauh, tambah pula limpahan pelanggan UTC Johor Bahru

yang semakin meningkat menyebabkan kami terpaksa menunggu lama," katanya.

"Ia sebagai menghargai usaha kerajaan menyalurkan pelbagai perkhidmatan kreatif dan inovatif."

"Ini kerana pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang terdapat di dalam UTC Pasir Gudang ini benar-benar dapat

memudahkan penduduk setempat," katanya.

Terhadap pelbagai kemudahan awam sediada dan berhampiran UTC Pasir Gudang iaitu perpustakaan awam Pasir Gudang, Masjid An-Nur, bank, pejabat pos dan sebagainya.

Pendapat sama turut diajui operator kilang, Samad Abdul Aziz, 33, yang berterima kasih atas komitmen dan keprihatinan kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat.


"Saya sendiri benar-benar teruja apabila mendapat maklum tentang

operasi UTC Pasir Gudang yang telah bermula menerusi media sosial.

"Ini kerana inisiatif itu dapat menjimatkan masa penduduk Pasir Gudang yang sebelum ini terpaksa ke Johor Bahru untuk berurusan dengan agensi kerajaan," katanya.

UTC Pasir Gudang bakal dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 25 Januari depan.

Pada masa kini terdapat 13 agensi kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan badan berkanan antaranya Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara," katanya.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

14 JANUARI 2018



AHAD

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	'JANGAN BUAT SPEKULASI ISU ROBOH KUIL DI MASAI'	2
SINAR HARIAN	ROBOH KUIL: CARI PENYELESAIAN TERBAIK	3



# SINAR HARIAN

## 'Jangan buat spekulasi isu roboh kuil di Masai'

14/1/18

H/M

**Johor Bahru:** Orang ramai diharap tidak membuat provokasi dan spekulasi berkaitan isu perobohan kuil di Bandar Seri Alam, Masai, dekat sini, bagi memberi ruang kerajaan negeri memperhalusi penyelesaian isu itu.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pada 11 Januari lalu, pihaknya menerima maklumat bahawa kuil milik Persatuan Pengikut Dewa Shree Sivasakthi Shree Sinnakaruppar diroboh.


Beliau berkata, kerajaan negeri bersympati dengan apa yang berlaku dan isu berkenaan sedang diperbaiki.

Menurutnya, sebarang spekulasi dan maklumat tidak tepat boleh memburukkan keadaan.

Katanya, berdasarkan rekod kerajaan negeri, kuil dirobohkan itu didirikan di atas tapak milik persendirian di Lot 4907, Mukim Plentong, berdekatan Jalan Tasek 64, Bandar Seri Alam, Masai.

"Pemilikan tanah berkenaan didaftarkan pada 1995. Walaupun kuil ini didaftarkan pada 2007 namun ia dibina tanpa mendapat kebenaran daripada pemilik sah tanah terbabit dan ia merupakan satu pencerobohan."

"Bagaimanapun, pihak pengurusan kuil pernah mengadakan rundingan dengan wakil rakyat ketika itu iaitu bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Jaya, Datuk Tan Cher Puk dan bekas ADUN Permas Jaya, Datuk MM Samy serta pihak berkuasa negeri berkaitan," katanya.



# SINAR HARIAN

14/1/18 - SH

## Roboh kuil: Cari penyelesaian terbaik

**JOHOR BAHRU** - Kerajaan Johor akan memperhalus isu kuil di sebuah tanah milik persendirian yang dirobohkan Khamis lalu, dengan lebih lanjut.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ia bagi mencari jalan penyelesaian yang munasabah, terbaik dan adil kepada kesemua pihak.

"Kerajaan negeri akan berusaha mencari jalan penyelesaian dan semua pihak diseru untuk memberikan kerjasama yang terbaik dalam menyelesaiannya."

"Memangangkan ini merupakan satu isu serius, kerajaan negeri gesa semua pihak mempamerkan sikap toleransi yang tinggi, bersikap rasional, terbuka dan tidak terburu-buru dalam membuat penilaian terhadap isu ini," katanya.

Mohamed Khaled berkata, kerajaan negeri menerima berita insiden itu dengan kesal dan bersympati terhadap apa yang berlaku.

Beliau berkata, berdasarkan rekod kerajaan negeri, kuil tersebut didirikan di atas tapak milik persendirian.



Keadaan kuil berkenaan selepas dirobohkan.

"Pemilikan tanah tersebut didaftarkan pada 1995. Walaupun kuil ini didaftarkan pada 2007, namun ia dibina tanpa mendapat kebenaran daripada pemilik sah tanah tersebut dan ia dilihat sebagai satu kes penceroohan."

"Bagaimanapun, pengurusan kuil pernah mengadakan rundingan dengan wakil-wakil rakyat ketika itu serta pihak berkuasa negeri berkaitan," katanya.


Dalam pada itu, Timbalan Setiausaha Agung Kebangsaan DAP, Prof P Ramasamy berkata, kerajaan negeri seharusnya mengambil tindakan awal berhubung pemilikan tanah.

Katanya, ia berikutkan kuasa yang dimiliki kerajaan negeri untuk sebarang pemilik tanah semestinya mampu menyelesaikan masalah seperti yang berlaku itu.

Menurutnya, bagaimana-

pun, cadangan itu tidak diper-

setuju pengurusan kuil.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

15 JANUARI 2018



ISNNIN

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	50 IMCOOP BAHARU SELURUH JOHOR	2
UTUSAN MALAYSIA	500 TERIMA CERMIN MATA PERCUMA	3
SINAR HARIAN	TAWAR TAPAK TANAH BAHARU : MB	4
SINAR HARIAN	JUAL MURAH DARI HARGA PASARAN	5



# UTUSAN MALAYSIA



MOHAMED KHALED NORDIN meninjau gerai jualan yang dibuka di Pasar Komuniti Jauhar yang dilancarkan di Flat Tasek 64, Bandar Seri Alam, Johor Bahru, semalam.

## 50 imCoop baharu seluruh Johor

**JOHOR BAHRU** 14 Jan. - Kerajaan negeri menerusi Koperasi Iskandar Malaysia Berhad (imCoop) sudah mengenal pasti 50 lokasi di seluruh Johor untuk melaksanakan program Pasar Komuniti Jauhar yang mula dilancarkan semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, Pasar Komuniti Jauhar itu merupakan satu inisiatif kerajaan negeri untuk membantu meringankan beban masyarakat merumah khususnya golongan B40.

Menurut beliau, sebagai permulaan, Pasar Komuniti Jauhar dilancarkan di kawasan peruma-

han Flat Tasek 64, Bandar Seri Alam di sini.

"Pasar ini menjual barang basah seperti ikan, ayam, udang dan sayur-sayuran pada harga jauh lebih rendah daripada harga pasaran."

"Penjimatatan yang boleh dimanfaatkan pembeli di Pasar Komuniti Jauhar adalah sehingga 50 peratus," katanya ketika berucap sempena majlis pelancaran program tersebut, hari ini.


Yang turut hadir, Ketua MCA Bahagian Pasir Gudang, Datuk Tan Cher Puk; Setiausaha imCoop, Mohd. Huzaini @ Huzaironi Jufrin dan Yang Dipertua Majlis

Perbandaran Pasir Gudang, Hasrin Kamal Hashim.

Mohamed Khaled berkata, Pasar Komuniti Jauhar yang diperkenal itu akan diadakan setiap Sabtu di lokasi berbeza bagi memastikan lebih banyak pihak mendapat manfaat daripadanya.

"Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan dijangka menjelang akhir tahun ini pasar ini akan meliputi seluruh Johor."

"Inisiatif ini diharap dapat membantu meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dalam berhadapan dengan isu kos sara hidup," tambahnya.



# UTUSAN MALAYSIA

## 500 terima cermin mata percuma

**PASIR GUDANG 14 Jan.** - Jelas terpancar kegembiraan pada wajah seramai 500 orang daripada golongan memerlukan apabila menerima cermin mata percuma tajaan Toms Optical, baru-baru ini.

Lebih bermakna, cermin mata percuma itu disampaikan oleh Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad dalam program anjuran bersama Toms Optical dan Yayasan Pasir Gudang (YPG) itu diadakan di Dewan Serbaguna Taman Mawar, di sini.

Yang turut hadir, wakil rasmi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Adnan Abd. Gahni; Pengarah Toms Optical, Rohaizat Rasdian Mohamad

### KOMUNITI

dan Pengurus Persatuan Permuafakatan Pasir Gudang, Mohamad Farid Abdul Razak.

Normala berharap lebih banyak syarikat mencontohi Toms Optical yang berkongsi rezeki dengan masyarakat, khususnya dalam membantu golongan memerlukan.

"Sikap sebegini yang kita harapkan supaya hasil yang diperoleh dikongsi dan dipulangkan semula kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa mengutamakan kebaikan rakyat dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu

mereka, khususnya dalam meringankan beban kos sara hidup yang kian meningkat.

"Pelbagai usaha dilakukan termasuk memberikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), mewujudkan skim rumah mampu milik, Klinik 1Malaysia dan sebagainya," katanya.

Malah, penduduk amat berteruah apabila kerajaan mewujudkan Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Pusat Bandar Pasir Gudang.

"Warga Pasir Gudang tidak lagi perlu pergi jauh untuk berurusan dengan agensi berkaitan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan beberapa agensi lain," ujarnya.



**NORMALA ABDUL SAMAD** (tiga dari kiri) dan bersama Rohaizat Rasdian Mohamad (tiga dari kanan) dan penerima cermin mata percuma di Dewan Serbaguna Taman Mawar Pasir Gudang, baru-baru ini.

u/m 15/1/18



# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • ISNIN 15 JANUARI 2018

@ HUBUNGI SKUAD SENTRAL: NORSHIKIN MOHD SALLEH - 019-7906796

SENTRAL

19

## Tawar tapak tanah baharu: MB

Kerajaan Johor mahu elak isu berpanjangan, harap masalah diselesaikan dengan baik

MOHD FIRDAUS YON

**INFO**  
Seri Alam

**JOHOR BAHRU** - Kuil yang terletak di atas tanah milik persendirian Khamis dirobohkan pada Kamis lalu dilakukan dengan kebenaran perintah mahkamah.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, wujud beberapa kekeliruan dan salah faham dalam kalangan masyarakat tentang fakta dan keadaan sebenar isu itu.

Menurutnya, perbohan tersebut dilakukan individu pemilik sah tanah tersebut

atas kapasitinya selaku pemilik tanah dan bukannya oleh kerajaan negeri atau mana-mana agensi kerajaan.

"Ia sebenarnya dirobohkan dengan kebenaran perintah mahkamah yang diphon secara persendirian oleh pemilik sah tanah tersebut dan tidak langsung melibatkan

kerajaan negeri. "Kerajaan negeri sebenarnya pernah mencadangkan sebidang tanah baharu untuk menggantikan kuil di tanah persendirian tersebut.

### Roboh kuil: Cari penyelesaian terbaik

**JOHOR BAHRU** - Kerjaan Johor akan memperbaiki isu kuil di sebuah tanah milik persendirian yang dirobohkan Khamis lalu, jika lebih lambat.

Menurutnya, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, ia bagi mencari jalan penyelesaian yang manusia-bahagia, berkesamaan dan kepuasan bagi pihak-

"Kerajaan negeri akan berusaha mencari jalan pe-

-nara dan bersama-sama memberikan sebutan di bawah.

**Laporan Sinar Harian semalam.**



Kerajaan kuil berkenaan segera ditadbir.

Bagaimanapun, cadangan tanah baharu oleh kerajaan negeri ditolak oleh pihak kuil yang berkeras untuk kekal di atas tanah milik persendirian di dalam kes ini," katanya.

Mohamed Khaled berkata, memandangkan isu itu berlarutan dan mula dipolitikkan, kerajaan negeri sekali lagi menawarkan kepada pihak pengurusan kuil sebidang tanah baharu yang dirizabkan sebagai ta-

pak kuil di Jalan Persisiran, Seri Alam.

"Bagi mengelakkan isu ini berpanjangan dan melarar, adalah diharapkan kesediaan kerajaan negeri memberikan tawaran tapak

kali kedua ini akan dipersejutu dan diterima baik oleh pihak pengurusan kuil.

"Kerajaan negeri berharap isu ini dapat diselesaikan dengan baik kepada semua pihak," katanya.



MOHAMED KHALED



# SINAR HARIAN

## Jual murah dari harga pasaran

Pasar Komuniti Jauhar dilancarkan bantu kurang kos sara hidup rakyat Johor

MOHD FIRDAUS YON

**PASIR GUDANG** - Kerajaan Johor komited membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat dengan melancarkan Pasar Komuniti Jauhar.

Menuter Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, inisiatif itu diusahakan Koperasi Iskandar Malaysia Berhad (imCoop) yang menyasarkan kawasan berkependudukan kumpulan B40.

"Pasar Komuniti Jauhar ini mengangurkan jualan produk segar seperti ikan, ayam dan sayur-sayuran dengan harga lebih rendah daripada harga pasaran.

"Contoh harga sotong, udang dan ikan sehingga 50 peratus lebih murah dari harga di pasar Larkin, la akan diadakan di tempat-tempat yang berbeza setiap minggu," katanya ketika berucap pada Majlis Free Market, Health Screening and Pelancaran Pasar Komuniti Jauhar di Rumah Pangsa Tasek 64 di sini, kelmarin.



Mohamed Khaled melayan penduduk mendapatkan pelbagai barang dalam program free market.



Mohamed Khaled meninjau barang dijual di Pasar Komuniti Jauhar.

**INFO**

- 50 tapak pasar komuniti akan diwujudkan di Johor dalam tempoh 5 tahun

Mohamed Khaled berkata, Pasar Komuniti Jauhar juga dijangka meliputi keseluruhan Johor menjelang akhir tahun ini.

"Untuk jangka masa lima tahun akan datang, dianggarkan 50 tapak pasar komuniti diwujudkan di seluruh negeri ini berdasarkan kepada 10 daerah di Johor," katanya.

Beliau berkata, kos sara hidup di bandaraya Johor Bahru sejak daripada dahulu sememangnya tinggi kerana kedudukannya yang terletak bersebelahan Singapura.

Katanya, meskipun mengakui perkara itu, kerajaan negeri sentiasa berikhtiar untuk mencari penyelesaian terhadap permasalahan di-

hadapi oleh rakyat berbanding segelintir pihak luar yang hanya datang menjanjikan pembobongan.


"Kalaupun ada yang mengatakan mempunyai formula untuk menjadikan Johor Bahru kos sara hidupnya rendah, itu satu pembobongan."

"Atas sebab itu, kerajaan secara pragmatik, mengambil

sa merancang dan berikhtiar mencari cara bantu rakyat.

"Dua tiga bulan kebelakangan ini, ramai yang datang cakap kos sara hidup tinggi. Macamlah tempat mereka kos sara hidup tak tinggi.

"Selangor, Pulau Pinang (adakah) rendah? Kita tak nak jadi macam dia. Dia berceramah dan mengutuk. Kita pula datang dengan program untuk membantu masyarakat," katanya.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

17 JANUARI 2018



RABU

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	KARNIVAL JUALAN MEGA SASAR 30,000 PENGUNJUNG	2



# UTUSAN MALAYSIA

## Karnival jualan mega sasar 30,000 pengunjung

17/1/18

U/M

**JOHOR BAHRU 16 Jan.** – Kira-kira 30,000 pengunjung dijangka memeriahkan Karnival Jualan Mega Muafakat Johor 2018 yang akan berlangsung selama tiga hari bermula 26 Januari ini di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG).

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Tee Siew Kiong berkata, karnival yang melibatkan lebih 60 vendor itu bakal menawarkan diskain melebihi 50 peratus ke atas.

“Jika tahun lalu, karnival sama berjaya menarik kunjungan kira-kira 20,000 pengunjung, kali ini

kita sasarkan jumlahnya terus bertambah memandangkan saman butai baik yang diterima.

“Orang ramai boleh mendapatkan pelbagai barang keperluan harian, barangan dapur dan bahan mentah segar dengan harga yang rendah berbanding harga pasaran sedia ada,” katanya pada pra pelancaran karnival berkenaan di sini semalam.


Yang turut hadir ialah Pengarah Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PPDNKK) negeri, Khairul Anwar Bachok.

Menurut Siew Kiong, buat pertama kalinya, acara tahunan itu

akan diadakan di tiga lokasi tahun ini termasuk Pontian pada Februari dan Muar pada Mac nanti.

Katanya, kerajaan negeri berharap pengajuran karnival berkenaan yang merupakan satu daripada inisiatif bagi menangani isu kos sara hidup akan diperluaskan ke kawasan lain pada masa depan.

Ujarnya lagi, pihaknya turut menyambut baik kerjasama Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Johor (J-BioTech) untuk menganjurkan kempen kesedaran, ceramah dan pameran berhubung pelaksanaan Biorosort dan Biokompos di negeri ini.




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

18 JANUARI 2018  
KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	LOKASI DI TAMPOI DAH TAK SESUAI	2
SINAR HARIAN	LEBIH 64,000 POLIS BERTUGAS	3
SINAR HARIAN	POLIS CADANG TAMBAH KEKUATAN DI PENGERANG	4
UTUSAN MALAYSIA	KIOSK PBT MUDAHKAN PEMBAYARAN	5
THE STAR	ANOTHER POLL TRAINING STINT FOR COPS	6
THE STAR	JOHOR MB: WE WILL FIND A SOLUTION TO TEMPLE ISSUE	7
THE STAR	POTHOLE HAZARD AFTER FLOODS	8



# SINAR HARIAN

SINAR 18/1/2018 KHAMIS

## Lokasi di Tampoi dah tak sesuai


PASIR GUDANG - Kompleks Bersepadan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 2 dan Pusat Latihan Polis Marin (Pulamar) baharu bakal dibangunkan di atas tanah seluas kira-kira 50 ekar di Tanjung Kupang.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Seri Zulkifli Abdullah berkata, cadangan pembangunan itu kini dalam pertimbangan kerajaan.

Menurutnya, buat masa ini, markas PPM Wilayah 2 dan Pulamar terletak di Tampoi, namun keadaan air lautnya sudah tidak lagi sesuai untuk diletakkan aset pasukan.

"Di Tampoi ini memang dah tak boleh digunakan. Air dah cetek dan sebagainya. Kita terpaksa letak kapal-kapal kita di luar kawasan itu dan (lokasi) tidak sesuai lagi."

"Jadi kita berhasrat projek pembangunan PPM Wilayah 2 bersama Pulamar dapat dibangunkan dengan segera di kawasan Tanjung Kupang," katanya.



# SINAR HARIAN

SINAR 18/1/2018 KHAMIS

## Lebih 64,000 polis bertugas

**PASIR GUDANG** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menempatkan lebih 64,000 pegawai dan anggotanya di seluruh pusat mengundi pada PRU14.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Seri Zulkifli Abdullah berkata, mereka bakal ditugaskan di pusat mengundi dan melakukan tugas lain berkaitan pilihan raya.

"Kita tidak menjangkakan apa-apa masalah pada hari penamaan calon dan juga semasa tempoh berkempen, di mana PDRM sudah pun menjalankan latihan-latihan yang sewajarnya," katanya pada sidang media di Kampung Teluk Jawa, semalam.


Zulkifli berkata, pihaknya baru sahaja selesai pusingan pertama latihan amal percubaan PRU14 dan dapat menilai bagaimana anggota dan pegawai

bertindak dalam apa jua situasi ketika pilihan raya nanti.

"Dalam awal Februari ini, kita akan mengadakan latih amal pusingan kedua. Saya percaya dengan adanya latih amal pusingan kedua ini, kita dapat menentukan PDRM lebih mantap untuk menangani apa-apa situasi.

"Kita tak menjangkakan apa-apa masalah, tapi kita perlu bersedia. Itu sebab kita mengadakan latih amal dan sekarang ini dalam proses untuk menentukan semua anggota dan pegawai kita yang masih lagi belum menerima latihan yang secukupnya, akan menjalani latihan," ujarnya.

Selain itu, katanya, PDRM juga akan menggunakan kira-kira 5,000 anggota pasukan sukarelawan polis (PVR) untuk ditugaskan di balai-balai polis bagi menggantikan anggota polis yang melakukan tugasan berkaitan pilihan raya.



# SINAR HARIAN



Zulkiffi ketika menjawab soalan media semalam.

SINAR HARIAN 18-1-2018

## Polis cadang tambah kekuatan di Pengerang

PASIR GUDANG - Polis berharap dapat menambah kekuatan darisegi sumber dan aset bagi meningkatkan tahap keselamatan di Pengerang khususnya projek Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (Rapid) dan Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC).

Pengerang jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Bukit Aman, Datuk Seri Zulkifli Abdullah berkata, lokasi pelaburan itu merupakan kawasan strategik yang bakal menyaksikan kehadiran banyak kapal asing apabila ia siap beroperasi sepenuhnya.

Menurutnya, amat penting bagi polis khususnya kekuatan Pasukan Polis Marin (PPM) yang sedla ada di Pengerang diperkuatkuatkan.

"Kita harap kerajaan akan timbang permintaan kita menambah aset polis di Pengerang terutama di Penebuk (jeti PPM Wilayah2 Pengerang) dan tambah keanggotaan di sana.

"Kalau kita dapat penambahan itu, kita berasakan dapat membantu keselamatan yang lebih baik di kawasan itu," katanya pada sidang media dalam lawatannya ke Limbungan Dalac, dekat Kampung Teluk Lawa, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas lawatannya ke projek Rapid dan PIC di Pengerang.


Mengulas lanjut, Zulkifli berkata, polis khususnya PPM memerlukan tambahan bot dan ruang pejabat atau penerapan di jeti Penebuk

bagi membolehkan anggota yang bertugas berasa lebih selesa.

"Buat sementara waktu, mereka ada tempat lain seperti di Balai Polis Pengerang di mana mereka menumpang untuk penugasan.

"Jadi apabila kemudahan ada di tepi jeti itu akan memudahkan. Kita ada tanah di situ, jadi kita nak cadangkan pembangunan marin kita lakukan bagi kawasan tersebut kerana ia satu kawasan penting di Johor," katanya.

Selain itu, beliau turut menyatakan komitmen PDRM untuk terus berada di kawasan pembangunan tersebut bagi menjamin tahap perlindungan dan keselamatan yang tinggi kepada pihak pelabur serta pekerja.



# UTUSAN MALAYSIA



MD. JAIS SARDAY (dua dari kiri) menyentuh butang melancarkan E-Kiosk Bayaran MPKu di kaunter pelbagai MPKu, Kulai, Johor, kelmarin.

## Kiosk PBT mudahkan pembayaran

**KULAI 17 Jan.** – Pihak berkuasa tempatan (PBT) disaraskan menyediakan kiosk perkhidmatan dalam talian, iPayment Kios bagi memudahkan urusan pembayaran cukai, seiring dengan aspirasi kerajaan negeri ke arah kerajaan digital.

Pengerusi Perumanan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Md. Jais Sarday menyambut baik inisiatif Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) yang menjadikan PBT pertama menyediakan kemudahan itu bagi memudahkan pengguna dan tanpa perlu beratur di kaunter pembayaran.

“Kita (kerajaan negeri) mencadangkan untuk semua PBT melaksanakan inisiatif ini seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2018 oleh Menteri Besar, Datuk Seri

Mohamed Khaled Nordin ke arah mencapai kerajaan digital.


“Dalam konteks kerajaan hari ini, sudah masuk sistem kehidupan sama ada dalam pengurusan kerajaan atau kehidupan manusia itu sendiri yang menghalau ke arah digital. Usaha ini adalah sebahagian daripada pendigitalan menerusi peringkat pengusaha tempatan,” katanya selepas menyempurnakan perasmian E-Kiosk Bayaran MPKu di kaunter pelbagai MPKu, di sini semalam.

Yang turut hadir, Yang Dipertua MPKu, Farizal Ismail.

“Sebab fungsi PBT ada dua iaitu penguatauan terhadap undang-undang dan menyampaikan perkhidmatan kepada mereka yang membayar cukai,” katanya.

Harapannya, beliau menggalakkan untuk mewujudkan kiosk seumpama itu di tempat awam selain daripada bangunan PBT kerana lokasi tumpuan awam boleh mempercepatkan urusan dan boleh dilakukan walaupun luar waktu pejabat.

menggunakan teknologi.



# THE STAR

THE STAR, 18/1/2018 THURSDAY

## Another poll training stint for cops

64,000 personnel to be on duty during GE14

By MOHD FARHAAN SHAH  
farhaan@thestar.com.my

**PASIR GUDANG:** Police are conducting another round of training early next month to prepare their personnel for the general election, said Bukit Aman Internal Security and Public Order Department director Comm Datuk Seri Zulkifli Abdullah.

He said more than 64,000 officers and personnel will be on duty during the elections.

They will be deployed throughout the country to ensure the polls are free of incidents, he added.

The police have also taken into consideration the possibility of an increase in the number of seats or changes in constituencies.

"Our numbers are enough to ensure the general election goes on smoothly," he said after an event marking the debut of the marine police's RH FB speedboat at Dalac Marine Engineering and Services near Teluk Jawa here.

Comm Zulkifli also said the

marine police's Southern Region Two would need more assets in Penebuk near Pengerang following the development of the Refinery and Petrochemical Integrated Development (Rapid) project.


He said Pengerang would be an important economic area for the country with many foreign vessels converging at Rapid once the project is completed.

"The marine police require more manpower and assets such as new boats as well as an office," he added.

Currently, the marine police are sharing premises with the Pengerang police, he said.

Comm Zulkifli also said the police were also looking at relocating the Southern Region Two's headquarters, currently located in Tampoi, to Tanjung Pelepas because the waters at the current site had become shallow.

"We have a plot of land there, about 32.3ha in size, where we hope to build a training centre and a new headquarters for the marine police," he said.



# THE STAR

## Johor MB: We will find a solution to temple issue

By NELSON BENJAMIN  
nelson@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin has urged all parties to stop speculating further and spreading inaccurate facts over the recent demolition of a Hindu temple here.

He said the state government regretted the incident and sympathised with those affected.

"All facts and information with regard to this issue are being carefully studied.

"I hope all parties will cease spreading inaccurate statements as this will not only cause more confusion but make matters worse," he said in a statement.

On Jan 11, it was reported that a Hindu temple, belonging to the Dewa Shree Sivasakthi Shree Sinnakaruppar Devotees Association, situated on privately owned land, had been demolished.

Mohamed Khaled said that based on state government records, the temple was constructed on a privately owned plot of land in Masai.

"Although the temple was registered in 2007, it was constructed



State MIC chief Datuk M. Asojan (seated, in blue) with state unity and human resources committee chairman R. Vidyanathan (seated, in red) having a discussion with residents and representatives of Dewa Shree Sivasakthi Shree Sinnakaruppar Devotees Association.

without permission from the plot's lawful owner and this is seen as a case of encroachment," he added.

Mohamed Khaled said the tem-

ple management then held discussions with the local authorities and the relevant assemblymen.

"An immediate solution put

forward by the state government at the time was to offer a new plot of land owned by the state government as a replacement for the temple in this issue," he added.

However, that proposal was rejected by the temple management, which insisted on staying put.


Mohamed Khaled explained that the landowner had sent several notices and warnings since 2015 to the temple management but it was understood that the temple management did not cooperate.

He said following that, the owner began legal proceedings to obtain a court order bestowing full authority over the plot of land. The court order was obtained on July 31, 2017, he added.

Mohamed Khaled said due to the seriousness of this issue, the state government urged all to be highly tolerant, rational, open and not be rash in their evaluation.

He assured that the state government would examine this matter further to find the best, most reasonable and fairest solution for all involved.

"We call upon all parties to give their full cooperation in resolving it," he added.



# THE STAR

STAR METRO, THURSDAY 18 JANUARY 2018

News 3

## Potholes hazard after floods

Monsoon season adversely affects roads in Johor Baru, putting motorists at risk



A big pothole on Jalan Lingkaran Dalam in Johor Baru poses a serious threat to motorcyclists.

— Photos: NELSON BENJAMIN and ABDUL RAHMAN EMBONG/The Star

By NELSON BENJAMIN  
nelson@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The current monsoon season, besides causing floods, is also causing damage to roads in the city by creating potholes.

These potholes are causing road users to slow down, leading to traffic congestion, especially during peak hours.

Among the major roads affected include the Pasir Gudang Highway, Eastern Dispersal Link, Jalan Tebrau and Jalan Skudai.

Motorcyclist Rahim Hanafi, 34, said more effort must be made to cover up the potholes as they pose a danger to roadusers, especially motorcyclists.

"I now drive to work instead of using a motorcycle as I am afraid

of something untoward occurring.

"My friend was badly injured after he met with an accident when his motorcycle went into a pothole."

"He was lucky he was thrown by the roadside and not in front of oncoming vehicles," he added.

Another motorcyclist, S. Devan, 45, said the potholes were appearing frequently despite the authorities carrying out patch up works along Pasir Gudang.

"My motorcycle rim is now damaged after going into some of these potholes. I hope the authorities will use hardy and lasting material to patch the potholes," he added.

Another motorist, who wanted to be known as just Tan, said traffic jams were becoming frequent as motorists slowed down when negotiating near or over the potholes.

He also advised roadusers to be careful while on the road, especially when it rains.



Part of the Pasir Gudang Highway that is dotted with potholes.



Roadusers trying to avoid potholes along Jalan Tombak, Taman Sri Tebrau in Johor Baru.

The potholes are causing a lot of inconvenience to roadusers.


"I hope the local authorities concerned will act fast to resolve this problem and prevent any mishaps from happening place," she added.

Meanwhile, a spokesman from Johor Public Works Department said they were doing their best to patch up the potholes.

"We have been receiving a lot of complaints on the Pasir Gudang Highway and some of the major roads statewide."

"Some of these potholes are appearing faster than we can patch them due to the rainy season," he said, adding that the road maintenance teams have been told to patch up as many as possible daily.

He also advised roadusers to be careful while on the road, especially when it rains.




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

21 JANUARI 2018



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
BERITA HARIAN	PEMBANGKANG MACAM TAK TAHU URUS EKONOMI: MB	2
SINAR HARIAN	JOHOR BIDAS PEMBANGKANG	3
THE STAR	JOHOR STANDS TO GAIN FORM THE RTS, SAYS MB	4
NEW STRAITS TIME	'RTS WILL BOOST CROSS-BORDER ECONOMY'	5



# BERITA HARIAN

ISU RTS 21/1/18 BH

## Pembangkang macam tak tahu urus ekonomi: MB

**Pasir Gudang:** Kerajaan Johor membidas tindakan pembangkang yang mempersoalkan kerancangan ekonomi rentas sempadan Johor Bahru-Singapura yang sekali lama berlaku, seperti tidak tahu mengurus ekonomi.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata ekonomi rentas sempadan Johor Bahru-Singapura adalah antara yang paling rancak di dunia dan memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Katanya, perjanjian antara Malaysia dan Singapura bagi projek Laluan Sistem Rapid Transit (RTS) antara Johor Bahru dan Singapura sejauh empat kilometer ditetralai pada Pemilihan Pimpinan Singapura-Malaysia kelapan, baru-baru ini, adalah contoh usaha menjayakan ekonomi rentas sempadan.

"Ekonomi rentas sempadan di sini tidak berlaku di Kuala Lumpur, Kuantan atau Terengganu, sebaliknya di Johor Bahru ia adalah kelebihan dan mampu memahirkan peluang pekerjaan yang luas kepada penduduk negeri ini."

"ia bukan bermakna di Johor tiada pekerjaan, sebaliknya itu pilihan mereka untuk bekerja dan mendapatkan gaji lebih besar di negara jiran, bahkan bukan rakyat negeri ini, ada juga dari negeri lain berhijrah ke sini untuk bekerja di Singapura."

Tetapi pembangkang datang si-

ni (berceramah) macam tidak tahu mengurus ekonomi. Jadi rakyat juga nganjal terpedaya dengan dakwaan pembangkang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pasir Gudang di sini, semalam. Yang turut hadir, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Nor malia Abd Samad.

**Negara pintar, 'cashless society'**  
Dalam perkembangan lain, Mohamed Khaled berkata perkara lain yang turut dibincangkan pada pemukim Malaysia-Singapura itu adalah mengenai hal tuju negara jiran itu, termasuk menjadikannya negera ibu bandar pintar dan *'cashless society'*.

"Johor tidak boleh lambat kerana tiada jurang perbezaan besar antara Johor dan Singapura, itu yang kerajaan negeri sedang usahakan bagi membolehkan pembangunan di negeri ini seiring dengan Singapura," katanya.

Sementara itu, Mohamed Khaled berkata, selepas kira-kira dua minggu beroperasi, UTC Pasir Gudang berjaya mencatatkan kehadiran 15,000 pengunjung dengan kutipan hasil hampir RM1 juta.

Katanya, kejayaan itu membuktikan kemudahan bawal satu bumbung itu dimanfaatkan sepenuhnya lebih 400,000 masyarakat setempat sekitar kawasan Pasir Gudang.

**Fakta nombor**  
**15,000 PENGUNJUNG**

selepas dua minggu UTC  
Pasir Gudang beroperasi


**100,000 PENGUNJUNG**

berurusan di UTC Johor Bahru  
setiap bulan sejak dibuka

[FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM/BH]



**Mohamed Khaled menyampaikan kad orang kurang upaya kepada Ammar Shahmie Shahril sambil diperhatikan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor, Datuk Daud Arbah (kanan) di kaunter JKM UTC Pasir Gudang ketika selepas mengadakan lawatan ke UTC Pasir Gudang, semalam.**



# SINAR HARIAN

## Johor bidas pembangkang

Tindakan persoal kerancakan ekonomi rentas sempadan seolah pembangkang tidak tahu urus ekonomi

NORSHIKIN MOHD SALLEH

PASIR GUDANG - Kerajaan negeri bidas tindakan pembangkang yang mempersoalkan kerancakan ekonomi rentas sempadan Johor Bahru-Singapura yang berlaku sejak sekian lama.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, tindakan pembangkang itu seperti tidak tahu tentang urus ekonomi, kerana kerancakan tersebut adalah antara yang tersibuk di dunia dan la membentuk manfaat kepada kedua-dua negara.

Menurutnya, perjanjian dua hal Malaysia-Singapura bagi projek laluan Sistem Rapid Transit (RTS) antara Johor Bahru dan Singapura sejauh empat kilometer pada Pemukiman Pemimpin Singapura-Malaysia ke-lapan baru-baru ini, adalah contoh usaha menjayakan ekonomi rentas sempadan.

"Ekonomi rentas sempadan di sini tidak berlaku di Kuala Lumpur, Kuantan atau Terengganu, sebaliknya di Johor Bahru. Ia adalah ke-



Mohamed Khaled (tengah) sempat menunjukkan bakat beliau memetik gitar ketika melawat Pusat Rekreasi di UTC Pasir Gudang, semalam. Foto: Bernama

lebihan dan mampu melahirkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk negeri ini.

"Ia bukan bermakna di Johor tida da pekerjaan, sebaliknya itu pilih-an mereka untuk bekerja dan mendapatkan gaji lebih besar di negara jiran, bahkan bukan rakyat negeri ini,

ada juga dari negeri lain berhijrah ke sini untuk bekerja di Singapura.

"Tapi pembangkang datang sini (berceramah) macam tidak tahu mengurus ekonomi. Jadi rakyat janganlah terpedaya dengan dakwaan pembangkang," katanya pada sidang media selepas mengadakan

lawatan ke Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pasir Gudang di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Mohamed Khaled berkata, selain RTS, beberapa lagi perkara dibincangkan pada pemukiman Malaysia-Singapura baru-baru ini, di Istana, Singapura.


21/1/18  
S/H

• Johor perlu bangun seiring kemajuan di Singapura

antaranya mengenai hala tuju negara jiran itu termasuk menjadikan negara berkenaan bandar pintar dan cashless society.

"Johor tidak boleh lambat kerana tiada jurang perbezaan besar antara Johor dan Singapura, itu yang kerajaan negeri sedang usahakan bagi membolehkan pembangunan di negeri ini seiring dengan Singapura," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong menyaksikan majlis permeteraan perjanjian RTS oleh Menteri Penyelaras bagi Infrastruktur dan Pengangkutan republik itu, Khaw Boon Wan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan di Istana, Singapura.



# THE STAR

## Johor stands to gain from the RTS, says MB

By KATHLEEN ANN KILI  
kili@thestar.com.my

**PASIR GUDANG:** Johor is lucky to benefit from the Johor Baru-Singapore Rapid Transit System (RTS), which is expected to be operational in December 2024, said Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

"The Opposition points out as if it is a bad thing for the thousands who travel between the two countries for work daily, but there is



**Rocking on:** Khaled showing off his talent in Pasir Gudang. — Bernama

nothing to be ashamed of," said the Johor Menteri Besar, adding that the project would boost cross-border economy.

He said this after visiting the Pasir Gudang Urban Transformation Centre yesterday.

He was asked about the eighth annual retreat between Malaysian and Singaporean leaders, which saw a number of agreements and memoranda of understanding signed between both countries.

One of these is an agreement for the RTS project that will connect Bukit Chagar in Johor Baru and the planned Woodlands North MRT station, which is part of the upcoming Thomson-East Coast Line in Singapore.

Khaled noted that Malaysians, including from Sabah, Sarawak, Perak and Penang, choose to work in the island republic to earn a higher income.

"They know they have a choice, not to say Johor does not have ample job opportunities."

"At the same time, Singaporeans come here to do shopping and for their leisure, and there is nothing wrong with this," he added.


He said the federal and state governments were concerned for the wellbeing of Malaysians who cross the border for work on a daily basis.

The RTS will help transport 10,000 commuters between the two countries in just an hour.

"It is understood that some 300,000 travel between the two countries on a daily basis, mostly for work, and we are concerned about them."

"They wake up very early in the morning to avoid the peak hour congestion. But with RTS, they probably will not have to rise that early," he added.

3 Star  
2/1/18



# NEW STRAITS TIME



*Johor Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin playing a guitar at the Pasir Gudang Urban Transformation Centre yesterday.*  
PIC BY HAIRUL ANUAR RAHIM

MUTUAL BENEFITS

NST  
21/1/18

## 'RTS will boost cross-border economy'

**PASIR GUDANG:** Johor Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin chastised the opposition for undermining the cross-border economy between Johor Baru and Singapore.

He said it was among the most vibrant cross-border economies in the world, and had benefitted both ends.

He said the bilateral agreement signed on the Rapid Transit System (RTS) between Malaysia and Singapore would boost the economy.

"Transborder economic activities do not happen in other places, like Kuala Lumpur, Kuantan or Terengganu, but here in Johor Baru."

"The people here will benefit from the transborder growth between Johor and


Singapore once the RTS is operational in 2024," he said at the Pasir Gudang Urban Transformation Centre yesterday.

Khaled said the RTS development would create jobs, adding that it was confusing that the opposition saw it as an economic failure.

"We must not be left out. We should move together with our neighbour to prosper through opportunities that will be derived from the RTS development."

He said the development would resolve congestion in the Causeway as the RTS could ferry passengers across in a short time.

He said the RTS could shuttle more than 300,000 commuters from Johor to Singapore daily.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

22 JANUARI 2018



ISNIN

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	SULTAN IBRAHIM JADI PENDAMAI	2
BERITA HARIAN	PEMBANGUNAN JOHOR BUKAN CAKAP KOSONG: KHALED	3
UTUSAN MALAYSIA	RTS TINGKAT EKONOMI LANCAR PERJALANAN- MB	4
THE STAR	SULTAN TO ENSURE TEMPLE IS BUILT	5
NEW STRAITS TIME	MB: JOHOR'S DEVELOPMENT PLANS PRACTICAL, REALISTIC	6



# SINAR HARIAN

18

SENTRAL

ISNIN 22 JANUARI 2018 • SINAR HARIAN

HUBUNGAN SKUAD SENTRAL: NORSHIKIN MOHD SALLEH - 019-7906796

## Sultan Ibrahim jadi pendamai

Akan pastikan lokasi baharu disediakan kerajaan negeri untuk bina semula kuil

**JOHOR BAHRU** — Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan bertindak sebagai pendamai dalam mencari penyelesaian terhadap isu perobohan sebuah kuil Hindu di Seri Alam, baru-baru ini.

Usaha pendamai dilakukan ketika baginda berkenan menerima mengadap wakil persatuan Persatuan Dewa Shree Sivasakthi Shree Sinnakaruppar dan Exco Kerajaan Negeri, RV Vidyananthan di Pejabat Mados, Istanza Bukit Pelangi.

Gambar-gambar pertemuan itu adalah anakanda baginda, Tunku Temenggong Johor-Tunku Idris Iskandar.

Turut kelihatan dalam per-



Sultan Ibrahim ketika menerima mengadap wakil persatuan.

temuan itu ialah anakanda baginda, Tunku Temenggong Johor-Tunku Idris Iskandar.

Dalam entri di laman Facebook itu, Sultan Ibrahim bertitah baginda akan memastikan satu lokasi


baru disediakan oleh kerajaan negeri untuk membina semula kuil itu.

Foto: FB Sultan Ibrahim Sultan Iskandar

Sultan Ibrahim juga memaklumkan bahawa baginda dan Tunku Idris masing-masing turut berkenan menawarkan bantuan wang tunai RM100,000 dan RM70,000 kepada jawatankuasa kuil untuk menampung kos pemindahan kuil ke tapak baharu.

Baginda juga menggesa semua pihak memberikan kerjasama penuh bagi menyelesaikan perkara itu secara baik tanpa perlu diperbesar-besarkan lagi.

Sebelah ini, kuil berusia 80 tahun itu mencetuskan kontroversi berikutnya selepas pemilik sah tanah mendapat kebenaran perintah mahkamah. - Bernama



# BERITA HARIAN

DASAR &amp; PENTADBIRAN

22/1/18 BH

## Pembangunan Johor bukan cakap kosong: Khaled

**Pasir Gudang:** Perancangan pembangunan Johor yang dirancang kerajaan negeri amat praktikal dan realistik bersandarkan kepada usaha, bukan sekadar retorik atau cakap kosong.

Menteri Besar, Datuk Mohamed Khaled Nordin, berkata pembangunan Dekad Baharu Johor yang dicetus kerajaan negeri dihasilkan menerusi kajian mendalam dan unjuran yang praktikal, tidak seperti sesetengah pihak yang tiada idea untuk memajukan negeri.

"Jadi atas sebab itulah kita rancang 10 tahun, kita tidak mau (tempoh) panjang. Saya rancang berdasarkan apa yang saya rasa pragmatik (realistik), praktikal dengan unjuran yang lebih tepat."

Oleh sebab itu, saya hendak berjaminan kepada rakyat Johor, kita akan bangunkan negeri ini supaya

ada masa hadapan terbaik untuk semua," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Hari Bertemu Pelanggan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Penggawa Timur di sini, semalam. Yang turut hadir, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Normala Abdul Samad.

Mohamed Khaled berkata, apa yang diusahakan kerajaan negeri niyata berbeza berbanding sesetengah pihak yang datang ke Johor dan hanya tahu menyalahkan kerajaan, tetapi tidak mempunyai pelan bagaimana untuk memajukan negeri ini.

"Ramai sekarang orang datang Johor, tetapi dia (pembangkang) ada perancangan atau tidak? Dia tiada perancangan, dia hanya ca-



Saya rancang berdasarkan apa yang saya rasa pragmatik (realistik), praktikal dengan unjuran yang lebih tepat"

**Mohamed Khaled Nordin,**  
Menteri Besar Johor

kap itu tidak betul, ini tidak betul, jadi apa perancangan mereka untuk bangun dan majukan negeri Johor?

"Apa pelan untuk pastikan anak Johor (terjamin) pada masa depan, tidak perlu lagi ke Lembah Klang kerana Johor ada banyak peluang yang kita berikan. Itu yang kita hendak buat," katanya.

### Enam insentif diumum

Sementara itu, ketika berucap di Majlis Amanat Ketua Kampung Johor di sini, Mohamed Khaled mengumumkan enam insentif dalam usaha menambah baik dan menghargai perkhidmatan disampaikan.

Pertama, kenaikan ganjaran bagi ketua kampung yang bersara, tamat perkhidmatan atau meninggal dunia ketika dalam perkhidmatan dinaikkan 100 peratus da-

ripada RM25 kepada RM50 dan dikalikan dengan genap bulan perkhidmatan.

Bayaran minimum bagi insentif itu juga dinaikkan 100 peratus daripada RM500 kepada RM1,000, terhad sepanjang tempoh perkhidmatan sehingga had umur 65 tahun saja.

Kedua, kerajaan negeri mengekalkan ganjaran eluan tambahan sebanyak RM200 sebulan.

Ketiga, bayaran eluan bulanan serta ganjaran tamat perkhidmatan hendaklah digenapkan bulannya.

Keempat, kerajaan negeri akan meneruskan pemberian bantuan khas Hari Raya sebanyak RM300.

Kelima, menambah kuota haji daripada lapan kepada 10 tempat.

Keenam, bersetuju melanjutkan hak umur maksimum dari 65 kepada 70 tahun.

# UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 22 JANUARI 2018

JOHOR 27

## RTS tingkat ekonomi, lancar perjalanan - MB

Oleh ZULHISHAM ISAHAK  
utusanjohor@utusan.com.my

■ PASIR GUDANG 21 JAN.

**S**ISTEM transit rapid (RTS) yang menghubungkan Malaysia dari stesen Bukit Char gar di sini dengan Woodlands Utara, Singapura mulai 2024 akan menyumbang kepada peningkatan kegiatan ekonomi Malaysia dan Singapura.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, RTS hanya mengambil masa kira-kira 30 minit untuk merentasi sempadan berbanding lebih sejam menggunakan Tambak Johor.

"Ini dijangka mempergiatkan ekonomi dua hala serta mendatangkan pelbagai manfaat kerana ketika ini rentas sempadan antara kedua-dua negara ini adalah antara yang paling sesak di dunia."

"Keadaan ini juga membolehkan rakyat Singapura membeli-belah dengan mudah, datang menikmati makanan serta pulang ke rumah masing-masing dengan lebih selesa selepas sehari berada di republik berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan pertamanya ke Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang



Ini dijangka mempergiatkan ekonomi dua hala serta mendatangkan pelbagai manfaat kerana ketika ini rentas sempadan antara kedua-dua negara ini adalah antara yang paling sesak di dunia."

MOHAMED KHALED NORDIN  
Menteri Besar Johor

(KPBPG) di sini semalam.

Yang turut hadir, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abd Samad; Pengarah Unit Strategi Nasional Kementerian Kewangan, Datuk Dr. Aminudin Hassan dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), Hasrin Kamal Hashim.

Mohamed Khaled mengulas mengenai majlis menandatangi perjanjian dua hala yang memuktamadkan projek RTS pada Sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura Kelapan di Singapura pada 16 Januari lalu.


Menurut Menteri Besar, kemudahan itu amat dinanti-nantikan berikutkan jarak perjalanan RTS berkenaan adalah sejauh empat kilometer antara kedua-dua de-

ngan kekerapan tren setiap empat minit pada waktu puncak dan enam minit pada waktu biasa.

"RTS yang dijangka mula dibina pada 2019, mampu mengurangkan kesesakan di Tambak Johor apabila dijadualkan beroperasi akhir 2024.

"Kewujudannya dilihat akan memberi kemudahan kepada orang ramai kerana ketika ini, kira-kira 300,000 penduduk negeri ini berulang-alik ke republik berkenaan setiap hari.

"Usaha ini juga mampu meningkatkan keselesaan kepada semua rakyat negara ini yang bekerja di republik itu. Hakikatnya bukan sahaja terdiri daripada penduduk Johor malah meliputi seluruh negara," ujarnya.



# THE STAR

6 Nation

22/1/18 TS

## Sultan to ensure temple is built

**Johor Ruler:**  
Land to be  
made available  
for new building

**JOHOR BARU:** Johor Ruler Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar has asked that a new Hindu temple be constructed following the demolition of an 80-year-old temple located on privately owned land.

He will personally ensure a new site is made available for the construction of the new temple by the state government.

He urged all concerned groups to extend their full cooperation to ensure the incident was resolved amicably.

The Sultan said this after he granted an audience with several representatives of the Dewa Shree Sivasakthi Shree Sinnakaruppar Devotees Association and local leaders in a meeting at Istana Bukit Pelangi here yesterday.

Also present was Tunku Temenggong Johor Tunku Idris Al-Haj ibni Sultan Ibrahim.

In another gesture of magnanimity, the Ruler offered a cash handout of RM100,000, while Tunku Idris offered RM70,000 to the temple



**Kind gesture:** Sultan Ibrahim speaking with representatives from the Dewa Shree Sivasakthi Shree Sinnakaruppar Devotees Association and local leaders at Istana Bukit Pelangi.

committee to facilitate the cost of the relocation exercise.

Also present at the meeting was Johor Unity and Human Resources Committee chairman R. Vidyaranthan.

The temple was situated on privately owned land and the landlord had obtained a court order to demolish the building. After talks with the temple leaders failed, the temple was demolished on Jan 11.

Vidyaranthan said the state has agreed to allocate 0.4ha for the new site of the temple, which is about

1.5km from the old one.

He said Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin was committed to ensuring this matter was resolved amicably.

"I hope everyone will calm down and not speculate on the matter as we have done everything possible to resolve this issue," he said.


Khaled had earlier urged everyone to stop spreading inaccurate information over the temple demolition. The matter has gone viral on social media and caused an uproar among the temple devotees.

At a separate function, MIC president Datuk Seri Dr S. Subramaniam said the Federal Government has allocated RM100,000 for the temple fund, bringing the total contributions to RM270,000.

He thanked the Ruler for his concern and initiative.

He also proposed that dialogue sessions be held first before any decision on the demolition of Hindu temples be made.

Dr Subramaniam hoped the matter will be laid to rest now that the issue has been resolved.



# NEW STRAITS TIME

22/1/18  
NST

**'PRAGMATIC'**

## MB: Johor's development plans practical, realistic

**PASIR GUDANG:** Johor's development plans are practical and realistic, not mere empty promises.

Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin said the New Decade of Johor was formulated by the state government following an in-depth research and a practical projection, unlike certain parties that lacked ideas on how to develop a state.

"That is why we plan for 10 years, because we do not want it to be too long. I plan based on what is pragmatic and realistic with an accurate projection.

"I want to assure the people of Johor that we will develop the state so that everyone will have the best future."

He said this at the opening of the SMK Datuk Penggawa Timur's Parent-Teacher Association annual general meeting here.

Khaled also announced a RM100,000 allocation for the school's development.


Present was Pasir Gudang member of parliament Normala Abdul Samad.

He said certain parties had made their presence felt in Johor and wanted only to blame the government, but did not have any plans to develop the state.

"There are many people who come to Johor, but do they have any plans? They don't. They only know how to say that this is wrong or that is wrong.

"What are their plans to ensure that our youth do not have to go to the Klang Valley to secure a future? Johor has a lot of opportunities. That is what we want to do."

*Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin*

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

23 JANUARI 2018  
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	KARNIVAL PROMOSI PLASTIK BOLEH URAI	2
SINAR HARIAN	SEKOLAH TIDAK BOLEH GAGAL	3



# HARIAN METRO

**Johor Bahru**


23/1/18

Karnival  
H/M  
promosi plastik  
boleh urai

Sempena pelaksanaan penggunaan bahan pembungkusan boleh urai (*biodegradable*) oleh kerajaan negeri bermula tahun ini, Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech) menganjurkan Karnival Jualan Mega Muafakat Johor dan Biorosot Biokompos Johor (BBJ) di Stadium Tertutup Pasir Gudang di sini, selama tiga hari bermula Ju-maat depan.

Karnival anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Johor mendapat kerjasama lebih 15 agensi kerajaan bertujuan memudahkan orang ramai mendapatkan bahan pembungkusan boleh urai dan barang makanan pada harga diskaun sehingga 50 peratus.

Dalam satu kenyataan, J-Biotech berkata, pengajuran karnival berkenaan julung kali dengan KPDKKK menyasarkan jualan bahan pembungkusan boleh urai kepada orang ramai.



# SINAR HARIAN

SINAR HARIAN • SELASA 23 JANUARI 2018

[www.gpsbestari.com](http://www.gpsbestari.com) [facebook.com/gpsbestari](https://facebook.com/gpsbestari) [gpsbestari](http://gpsbestari) [@gpsbestari](https://@gpsbestari)



Mohamed Khaled meninjau sudut kebitaraan sekolah.

## Sekolah tak boleh gagal

Jadi platform lahir modal insan cemerlang untuk negara

MOHD FIRDAUS YON

PASIR GUDANG - Institusi pendidikan termasuklah sekolah mesti berjaya dalam melaksanakan peranan dan objektif dalam melahirkan serta menjayakan modal insan untuk negara.

Menyertai majlis bertemu dengan ahli politik di Pasir Gudang, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, saban tahun, kerajaan mengeluarkan peruntukan yang sangat besar kepada sektor pendidikan.

"Dan ini berlaku saya percaya sejak daripada zaman kemerdekaan. Tidak ada mana-mana sektor yang mendapat peruntukan yang paling besar daripada kerajaan melainkan sektor pendidikan.

"Maknanya ia mengambil banyak hasil rakyat untuk membangun dan memajukan, Oleh itu institusi sekolah tidak boleh gagal (melahirkan modal insan) kerana ia adalah wang pembayar cukai. Banyak yang diperuntukkan kepada sektor pendidikan baik di peringkat biasa atau tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Kali Ke-44 & Hari Bertemu Pelanggan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di sini kelmarin.

Kerajaan keluarkan peruntukan besar kepada sektor pendidikan

Hadir sama, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad; Pengarah Pendidikan Negeri Johor, Shaharudin Sharif; Pengetua SMK Dato' Penggawa Timur, Hashim Zainal dan Yang Dipertua PIBG SMK Dato' Penggawa Timur, Mohd Fadli Lee Abdullah.

Mohamed Khaled berkata, Johor kini berada dalam keadaan yang semakin baik dan kerajaan negeri sentiasa merangka serta merancang agar negeri ini terus membangun dan maju.

"Bagaimana kita nak pastikan ini dapat kita hadapi secara berterusan? Jika tidak dengan kita berjaya melahirkan modal insan, dan dengan kita melahirkan modal insan itu untuk ambil semua manfaat daripada pembangunan dan kemajuan ekonomi.

"Jika kita tidak berjaya di sini, siapa yang akan ambil manfaat daripada pertumbuhan yang berlaku di Johor? Takkannya semua nak jadi penonton? Takkannya semua nak tengok sahaja?" katanya.

Pada majlis berkenaan, beliau turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM100,000 untuk kegunaan aktiviti pelajar dan pembangunan sekolah.


# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

25 JANUARI 2018  
KHAMIS



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	DUA KERETA DEPAN RUMAH TERBAKAR	2
SINAR HARIAN	ANAK TERKEJUT BUNYI LETUPAN	3
THE STAR	CARS BELONGING TO MIC LEADER DAMAGED IN FIRE	4



# HARIAN METRO

Pasir Gudang

METRO 25/1/2018

## Dua kereta depan rumah terbakar

“Saya tidak tahu bagaimana kejadian ini berlaku dan hanya terdengar bunyi letupan dari luar rumah,” kata Ketua Bahagian MIC Pasir Gudang, R Sabapathy mengenai kebakaran dua kereta milik keluarganya di depan rumah di Jalan Selasih 3, Taman Pasir Puteh di sini, tengah malam semalam.

Dalam kejadian jam 12.20 tengah malam itu, dua kenderaan masing-masing Mercedes-Benz milik Sabapathy dan Proton Iswara milik mantunya hangus.

Sabapathy berkata, kejadian itu disedari ketika dia menonton televisyen di rumah.

“Ketika menonton berita


sukarnya dikejutkan bunyi letupan kuat di luar rumah. Saya bergegas keluar rumah dan terkejut apabila mendapat bahagian depan kereta terbakar,” katanya.

Menurutnya, tidak lama kemudian kebakaran merebak ke belakang kereta menyebabkan dia cuba memadamkan api menggunakan getah paip sebelum menghubungi bomba untuk bantuan.

“Keadaan semakin panik apabila kebakaran turut membabitkan kereta manantu dan apabila bomba tiba, mereka gagal menyelamatkan kedua-dua kereta kerana api marak dengan pantas,” katanya.



KENDERAAN milik Sabapathy hangus dalam kebakaran.



# SINAR HARIAN

## Anak terkejut bunyi letupan

Dua kereta milik Ketua MIC Bahagian Pasir Gudang terbakar



Kereta Proton Iswara milik Sabapathy yang terbakar.

AZLINA OTHMAN

PASIR GUDANG - Dua kereta milik Ketua MIC Bahagian Pasir Gudang yang diparkir di luar pagar rumahnya di Taman Pasir Putih, di sini, terbakar tengah malam kelmarin.

R Sabapathy, 68, berkata, ketika kejadian kira-kira jam 12.20 tengah malam itu, dia sedang menonton televisyen.

"Saya belum tidur lagi kerana sedang menonton televisyen. Anak saya yang menyedari kebakaran ini secara tiba-tiba terdengar bunyi letupan dan dia keluar untuk melihat apa yang berlaku di luar rumah.

"Ketika dia keluar rumah, dia melihat kereta Mercedes dan Proton Iswara milik saya terbakar," katanya.

**Red Soc  
INFO**

• Kereta Mercedes dan Proton Iswara terbakar di luar rumah

SINAR 25/1/2018

Beliau kemudiannya turut membuat laporan di ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seri Alam pada hari sama kira-kira jam 1.45 pagi.


Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintenden Jokhiri Abd Aziz mengesahkan menerima laporan berkenaan bagaimanapun memberitahu sejak ini kes tersebut tiada kaitan perbuatan jenayah.

"Jangan buat spekulasi. Setakat ini, tidak disyaki perbuatan jenayah."

"Pihak forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sedang menjalankan pemeriksaan serta analisa. Siasatan sedang dilanjutkan dan laporan akan dikeluarkan," katanya.



# THE STAR



**Razed wheels:** One of the two burned cars in front of Sabapathy's house in Taman Pasir Putih.

## Cars belonging to MIC leader damaged in fire

**PASIR GUDANG:** Two cars belonging to a local MIC leader were damaged in a midnight fire.

Pasir Gudang MIC chairman R. Sabapathy said both of his vehicles were parked outside his house in Taman Pasir Putih here when the incident occurred at around 12.20am yesterday.

The 68-year-old, who was at home with his wife, son and daughter-in-law, said he was watching television when he heard a loud explosion outside.

"I rushed out and was shocked to see my Mercedes Benz and Proton Iswara on fire. I called the Fire and Rescue Department for


help," he said here yesterday.

He said his family members tried to put the fire out while waiting for the firemen to arrive.

When asked if it could have been an act of revenge or dissatisfaction against him, Sabapathy declined to comment.

"I don't know whether it was arson or not, and I don't want to simply point fingers," he said, adding that a police report has been lodged.

When contacted, Seri Alam OCPD Supt Jokhiri Abd Aziz confirmed the incident and asked people not to speculate until the investigation is completed.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

28 JANUARI 2018



AHAD

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	LAMAN EXTREME PASIR GUDANG MULA BEROPERASI	2



# SINAR HARIAN

SH 28/1 /2018

## Laman Extreme Pasir Gudang mula beroperasi

**PASIR GUDANG** - Pembinaan Laman Extreme Pasir Gudang di Taman Mawar, di sini yang bermula pada 2016 telah siap sepenuhnya dan mula dibuka kepada orang ramai sejak Oktober tahun lalu.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pembinaan projek itu bagi memenuhi keperluan dan kepentingan masyarakat setempat khususnya generasi muda.

"Pembinaan Laman Sukan Extreme Pasir Gudang ini sebagai langkah menghimpunkan kegiatan sukan lasak yang berbentuk positif termasuk sukan berbasikal ekstrem dan kasut roda, di samping memberi peluang kepada ahli keluarga untuk beriadah bersama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

menyempurnakan perasmian Program Belia Extreme Johor anjuran Persatuan Peminat Papan Luncur Laju Johor Bahru di Laman Sukan Ekstrem Pasir Gudang, di sini, semalam.


Turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) Hasrin Kamal Hashim dan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abd Samad.

Sementara itu, Hasrin berkata, Laman Sukan Ekstrem dengan kos pembinaan RM5 juta itu mula beroperasi sejak Oktober tahun lalu.

Katanya, laman sukan ekstrem itu dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk kemudahan sukan papan seluncur, manakah, aktiviti berbasikal, laluan trek jogging, tasik, padang, tandas dan *grand stand*.



Mohamed Khaled menyempurnakan simbolik perasmian program Belia Extreme Johor 2018 di Laman Extreme Pasir Gudang, semalam.



# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

29 JANUARI 2018



ISNNIN

AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
UTUSAN MALAYSIA	SMK NUSA DAMAI CIPTA SEJARAH	2
SINAR HARIAN	LAMAN SUKAN EXTREM PASIR GUDANG DIBUKA	3
SINAR HARIAN	PROMOSI PRODUK PENDUDUK SETEMPAT	4
KOSMO	KOS SARA HIDUP ANTARA KEUTAMAAN KERAJAAN BN	5
HARIAN METRO	BANGUN LAPAN PPR	6
HARIAN METRO	BERI MASA SETAHUN HARAM POLISTERIN	7



# UTUSAN MALAYSIA



MUHAMAD ALI HARUN (tiga dari kiri) menangkap udang yang dternak menggunakan produk Narus System di SMK Nusa Damai, Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

29/1/18  
4/m

## SMK Nusa Damai cipta sejarah

**JOHOR BAHRU 28 Jan** - Satu projek inovasi penernakian udang air masin dalam tangki menggunakan air masin tiruan berjaya dihasilkan sekumpulan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Nusa Damai di Pasir Gudang, dekat sini.

Pengerutnya, Muhamad Ali Harun berkata, kejayaan itu menjadikan SMK Taman Nusa Damai sebagai sekolah pertama di dunia berjaya menghasilkan projek tersebut.

Menurutnya, beliau percaya produk itu mempunyai nilai komersil yang tinggi sekali gus dapat membantu merancangkan lagi perusahaan udang di negara ini.

Menurutnya, produk dikenali Narus System itu bukan sahaja menggunakan teknologi baharu bagi penernakian udang air masin yang belum diwujudkan, malah kosnya juga murah kerana hanya menggunakan bahan-bahan kita sendiri.

"Sebelum ini, ada produk dihasilkan bagi membeli ikan air masin dalam tangki, namun apa yang dihasilkan pelajar sekolah ini adalah menternak udang air masin dalam sebuah tangki menggunakan air masin tiruan."

"Produk yang direka itu mampu menghasilkan jumlah udang yang tinggi iaitu lebih 600 ekor



Produk yang direka itu mampu menghasilkan jumlah udang yang tinggi iaitu lebih 600 ekor udang dalam 100 gelen tangki air dan hanya memakan masa selama tiga bulan untuk proses penuaan. Buat masa ini, kita cuba dengan udang kertas."

**MUHAMAD ALI HARUN**  
Pengetua SMK Taman Nusa Damai

Suhaimai bersama tiga ahli projek iaitu Abu Muhammad Aqidatulislam Abu Mansor, C. Abbimany dan Muhammad Mirzaileman Othman serta dibimbing dua guru iaitu Mohamad Hafiz Badruddin dan Nur Ashikin Md. Kasim.

Muhamad Ali berkata, pencapaian itu membolehkan produk tersebut bakal ditawarkan tempat dalam *Malaysia Book of Record* (MBOR) sebagai antara produk yang mampu menghasilkan jumlah udang yang tinggi dalam 100 gelen tangki air.

Beliau menambah, produk akan turut menyertai pertandingan International, Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) yang akan datang.

Sementara itu, seorang ahli projek, Muhammad Mirzaileman berkata, mereka mengambil masa selama setahun untuk melakukan penyelidikan produk yang bukan sahaja selamat digunakan serta mesra alam, tetapi dihasilkan dengan kos di bawah RM200.

"Selain itu, kelebihan Narus System itu adalah ia menggunakan sistem penernakian tangki lebih sistematik, mampu mengurangkan risiko pencemaran air dan penyakit, bebas daripada bahan kimia berbahaya dan perubahan cuaca," ujarnya.



# SINAR HARIAN

Laman Sukan Ekstrem 29/1/18  
Pasir Gudang dibuka

**JOHOR BAHRU 28 Jan.** - Laman Sukan Ekstrem Pasir Gudang di Taman Mawar di sini yang dibina bermula dua tahun lalu dengan kos RM5 juta sudah dibuka kepada orang ramai sejak Oktober lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kemudahan seumpama itu merupakan antara langkah kerajaan negeri memberikan ruang bagi orang ramai menjalankan aktiviti sukan lasak.

Menurutnya, pembinaan projek itu bukan sahaja memenuhi permintaan orang muda yang gemarkan sukan seumpama itu, namun ia juga boleh dijadikan tempat beriadah bersama keluarga dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Pada masa sama, katanya, pembinaan kawasan seumpama itu juga membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap keperluan serta kepentingan masyarakat setempat khususnya golongan muda.

"Pembinaan Laman Sukan Extreme Pasir Gudang ini sebagai langkah menghimpunkan kegiatan sukan lasak yang berbentuk positif termasuk sukan berbasikal ekstrem dan kasut roda, di samping memberi peluang kepada ahli keluarga untuk beriadah,"

katanya.

"Golongan belia dan generasi muda antara kelompok terbesar dalam negara sekali gus memainkan peranan penting bagi memastikan pembangunan negara berjalan dengan lancar," katanya selepas merasmikan Program Belia Extreme Johor anjuran Persatuan Peminat Papan Luncur Laju Johor Bahru di Laman Sukan Eks trem Pasir Gudang, di sini semalam.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) Hasrin Kamal Hashim dan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abd. Samad.

Sementara itu, Hasrin berkata, laman sukan itu dilengkapi pelbagai kemudahan sukan lasak seperti papan seluncur, me manah, aktiviti ber basikal, laluan trek jogging, tasik dan pa dang.



# SINAR HARIAN

## Promosi produk penduduk setempat

**PASIR GUDANG** - Karnival Jualan Rakyat Parliment Pasir Gudang memberi peluang peniaga tempatan mengembangkan produk mereka selain menawarkan jualan barang dengan nilai lebih rendah daripada pasaran.

Program selama dua hari di Stadium Pasir Gudang yang berakhir semalam itu turut mendapat kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKK) dalam usaha pemantauan harga kawalan barang runcit di negeri ini.

Ahli Parliment Pasir Gudang Datuk Normala Abdul Samad berkata, peng-

anjuran karnival itu akan dilaksanakan secara berterusan di seluruh daerah itu melalui pelbagai program seumpama itu yang dirancang.

"Sasaran utama kami adalah bantu masyarakat terutama di masa kos sara hidup yang agak tinggi sekarang. Melalui karnival jualan ini sekurang-kurangnya ia boleh memberi harga pasaran yang rendah daripada semasa melalui pelbagai promosi ditawarkan di 60 lot jualan yang disediakan.


"Dengan kerjasama dua pasar raya harga patut di negara ini dan KPDKK ternyata memastikan barang kawalan dapat dijual dengan teratur serta memenuhi ke-

perluan pengguna," katanya.

Normala berkata, kira-kira RM200,000 hasil jualan untuk hari pertama pengajuran program berkenaan direkodkan dengan kunjungan sehingga 20,000 orang.

Sementara itu, Pengusaha Jenama Kupang Kampung Nelayan Pasir Gudang Baru, Noor Sarina Azli berkata, program itu banyak membantu perkembangan jenama hasil laut yang ditawarkannya.

"Sekarang memang saya pasarkan kupang di beberapa negeri termasuk Selangor, Melaka dan Terengganu. Tetapi kita masih memerlukan platform seperti ini untuk mengembangkan produk jualan hasil laut," katanya.



# KOSMO

29/1/18  
Kosmo

## Kos sara hidup antara keutamaan kerajaan BN


**JOHOR BAHRU** - Isu kos sara hidup kekal antara misi utama kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi memastikan nasib rakyat terutama dalam kelompok B40 dan M40 terus terbelah.

Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Samad berkata, antara langkah yang diambil termasuklah mengadakan jualan murah.

"Contohnya di Pasir Gudang ada banyak program-program jualan barang murah yang bertujuan membantu rakyat menanggani kos sara hidup yang tinggi.

"Kita akan memastikan produk-produk yang kita jual melalui program kita akan sentiasa berada 10 hingga 50 peratus lebih murah daripada harga pasaran," katanya kepada pemberita selepas lawatan ke Karnival Jualan Rakyat yang diadakan secara serentak bersama Karnival Muafakat Johor di pekarangan parkir Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang di sini semalam.

Katanya, menerusi program seumpama itu, diharapkan rakyat mendapat gambaran jelas bahawa kerajaan BN sentiasa prihatin dan memberi jalan penyelesaian kepada permasalahan rakyat. - Bernama



# HARIAN METRO

**johor Bahru 29/1/18**


**Bangun lapan PPR**

Beban golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri bakal diatasi apabila kerajaan negeri bina lapan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sebelum hujung tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Md Jais Sarday berkata, projek RM700 juta itu tawar rumah kepada 4,717 keluarga.

Katanya, kerajaan negeri menyasarkan empat PPR dibangunkan iaitu di UDA Utama, Perling, Pelangi Indah dan Melana Indah (fasa kedua).

“Manakala tahun depan, empat lagi PPR dibangunkan iaitu di Bandar Tenggara, Masai, Plentong dan Ulu Tiram manakala rancangan bagi membina PPR di Sembong masih dalam pertimbangan,” katanya.



# HARIAN METRO

**Pasir Gudang:** Kerajaan negeri memberi masa setahun sebelum penggunaan polisterin diharam sepenuhnya.

Menteri Besar, Datuk Mohamed Khaled Nordin berkata, kesedaran berkaitan penggunaan bahan mudah urai bagi menggantikan polisterin diadakan selama setahun.

Beliau berkata, ia memberi ruang kepada pelbagai lapisan masyarakat bagi mengetahui kebaikan menggunakan bahan mudah urai berbanding plastik dan polisterin yang menyumbang kepada pelbagai bentuk pencemaran.

"Larangan penggunaan polisterin dan beg plastik akan dilaksana keseluruhannya tahun depan. Bagi tujuan itu, kami akan menggalakkan pihak terba-

**FAKTA**  
Larangan penggunaan polisterin dan beg plastik akan dilaksana tahun depan

## Beri masa setahun haram polisterin

29/1/18  
H/m

bit merancakkan lagi kempen larangan penggunaan sebelum pelaksanaannya.


"Apabila ia dilaksanakan kelak sekiranya masih ada pengeluar, peruncit dan pengusaha makanan masih menggunakan plastik dan polisterin konvensional, pihak berkuasa tempatan (PBT) digesa mengenaikan kompaun atau menarik balik lesen perniagaan," katanya.

Mohamed Khaled berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Karnival Jualan Mega Muafakat dan Biorosot Biokompos Johor (BBJ) 2018 anjuran J-Biotech di Stadium Tertutup Pasir Gudang di sini kelmarin.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Pendidikan dan Penerangan Negeri Johor Datuk Ayub Rahmat, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor Datuk Tee Siew Kiong dan Ahli Parlimen Pasir Gudang Datuk Normala Abd Samad.

Mohamed Khaled juga melancarkan laman sesawang inisiatif BBJ bagi memudahkan orang ramai mengetahui dan memahami dasar kelestarian negeri dan agenda Johor lestari.

Majlis berkenaan disempurnakan wakil rasmi Mohamed Khaled iaitu Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor Ismail Mohamed.




# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

31 JANUARI 2018  
SELASA



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	TIPU JUAL BRLI KERETA MEWAH	2
SINAR HARIAN	SISTEM U-CUSTOMS DILAKSANA SEPENUHNYA MULAI TAHUN DEPAN	3
HARIAN METRO	NAFI SALAH GUNA HARTA RM1.05JUTA	4
HARIAN METRO	MANFAAT DIGITAL	5



# SINAR HARIAN

## **Tipu jual beli kereta mewah**

Peniaga bahan binaan hadapi 19 tuduhan penipuan cecah RM1.05 juta

SHAFIQ TINO

**JOHOR BAHRU** - Seorang peniaga bahan binaan dihadapkan di mahkamah majistret, di sini, semalam atas 19 tuduhan penipuan membabitkan jual beli kereta mewah, tahun lalu.

Tertuduh, Ernest Edwin De Silva Charles, 52, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan juruhasa di tiga mahkamah berasingan.

Edwin De Silva didakwa menyalahgunakan harta orang lain dan membuat penipuan membabitkan empat individu dan satu individu mewakili syarikat dengan jumlah keseluruhan RM1.05 juta antara Jun hingga Disember tahun lalu di beberapa kawasan sekitar Masa,

**INFO**  
semula

- Tetapkan 5 Mac sebagai tarikh sebutan semula

bimbang mana orang itu tidak akan menyerahkannya sekiranya tidak diperdaya sedemikian.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi 10 tahun, sebatan dan boleh dikenakan denda.

Bapa kepada tiga anak itu turut didakwa atas empat kesalahan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksian kerana memperdaya dan mendorong individu menyerahkan wang kepada dirinya untuk pembelian kereta dan telefon




Tertuduh (tengah) ketika dibawa ke kamar perbicaraan, di Mahkamah Majistret Johor Bahru, semalam.

Hajar Ali dan Majistret Noor Aisyah Ahmad menetapkan 5 Mac sebagai tarikh sebutan semula.

Pendakwaan kes di kendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Shafiq Mohd Ghazali, Abd

Jalil Salam Muhamad dan Muhammad Mohd Nasir makala tertuduh diwakili peguam, Arwa Abdul Rahman.



# SINAR HARIAN

**Sistem U-Customs dilaksana sepenuhnya mulai tahun depan**

**PASIR GUDANG** - Sistem digital U-Customs akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun depan di semua pelabuhan utama seluruh negara bagi menggantikan Sistem Maklumat Kastam (SMK).

Ketua Pengarah Kastam Malaysia, Datuk Seri T Subromianam berkata, sistem berkenaan telah mula dilaksanakan di bahagian barat Pelabuhan Klang dan akan dilaksanakan sepenuhnya secara berperingkat ke seluruh negara sehingga akhir tahun ini.

Katanya, pelaksanaan sistem baru itu akan membantu melonjakkan daya saing negara berdasarkan laporan 'Doing Business' oleh bank dunia.

"Kita dalam pelaksanaan di bahagian barat pelabuhan Pelabuhan Klang dan dalam masa dua bulan lagi akan diperluas ke utara Pelabuhan Klang, Subang, Pulau Pinang, KLIA dan Johor Port.


"Pelaksanaan sistem baru ini akan memperbaiki kedudukan ranking kita dalam laporan Doing Business,

Subromianam berkata, sistem digital itu akan mudahkan proses import eksport di pelabuhan dan menjimatkan masa bagi prosedur pelepasan dan periksaan kastam.

"Menerusi sistem juga akan dapat mengurangkan penggunaan sumber manusia kerana semua prosedur dilaksanakan berdasarkan sistem," katanya.

Beliau turut menyambut baik usaha Johor Port Berhad yang mengambil inisiatif membangunkan kompleks berkenaan bagi membantu melancarkan lagi perkhidmatan di pelabuhan itu.

**Subromianam memotong reben sebagai simbolik merasmikan Kompleks Import Eksport Pelabuhan Johor, semalam.**

# HARIAN METRO

## Nafi salah guna harta RM1.05 juta

**Johor Bahru:** Seorang pembekal bahan binaan mengaku tidak bersalah terhadap 19 pertuduhan memperdaya dan menyalah guna harta lima individu membabitkan nilai RM1.05 juta di Mahkamah Majistret Johor Bahru di sini, semalam.

Ernest Edwin De Silva Charles, 52, didakwa atas 15 pertuduhan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan antara Jun tahun lalu hingga Disember tahun lalu di beberapa kawasan di Masai dan Skudai, Johor.

Tertuduh yang berasal dari Seri Alam, Masai di sini, didakwa menyalah guna pelbagai kenderaan termasuk Toyota dan Honda syarikat kereta sewa milik seorang lelaki dengan menjual kenderaan itu bagi kegunaan sendiri.

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara tidak kurang enam bulan, tidak melebihi lima tahun, sebatan dan boleh didenda bagi setiap pertuduhan berkenaan.

Tertuduh juga didakwa atas empat kesalahan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Dia didakwa menawarkan pelbagai kenderaan bagi tujuan mendorong beberapa mangsa bagi menyerahkan sejumlah wang serta didakwa menawarkan kenderaan mewah yang tidak wujud seperti BMW 328GT dan Mercedes Benz 350.

Sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada setahun dan tidak melebihi 10 tahun, sebatan dan denda.

Tertuduh didakwa di beberapa kamar mahkamah secara berasingan di depan Majistret Azureen Sahira Saufee Afandi, Majistret Siti Hajar Ali dan Majistret Noor Aisyah Ahmad.

Dia dibenar diikat jamin dengan jumlah keseluruhan RM43,500 dan seorang pengjamin.

Mahkamah turut menetapkan 5 Mac depan sebagai tarikh sebutan semula.


Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Syafiq Razali, A Jalil Salam dan Muhammad

Mohd Nasir manakala tertuduh diwakili peguam, Arwa Abdul Rahman.



ANGGOTA polis mengiringi tertuduh di pekarangan mahkamah

31/1/18  
HIM



# HARIAN METRO

## Manfaat digital

31/1/18  
HM

### ■ Kastam perkenal sistem U-Customs di semua pelabuhan utama

**Mohd Sabran Md Sani**  
sab@hmetro.com.my

#### Pasir Gudang

Pelaksanaan sistem digital U-Customs menggantikan Sistem Maklumat Kastam (SMK) melonjakkan daya saing negara ke tahap lebih baik terutama membabitkan pelabuhan utama di negara ini.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Datuk Seri T Subbromianam berkata, ketika ini, sistem dihadkan di bahagian barat Pelabuhan Klang sebelum dilaksanakan sepenuhnya menjelang awal tahun depan.

"Sistem U-Customs dalam pelaksanaan secara berperingkat dan hanya di hadkan di Pelabuhan Klang.

"Menjelang tahun depan, sistem itu menggantikan sistem SMK, sekali gus meningkatkan daya saing negara," katanya pada majlis perasmian Kompleks Import Eksport Pelabuhan Johor di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MMC Port Holdings Sdn Bhd Ian James, Ketua Pegawai Eksekutif Johor Port Berhad



SUBROMANIAM (dua dari kanan) mendatangani plak ketika perasmian Kompleks Import Eksport Pelabuhan Johor, semalam.

Shahrull Allam Shah Abdul Halim dan Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Johor Muhammad Razif Ahmad.

Terdahulu, bangunan tiga tingkat bernilai RM12 juta dibina Johor Port bermula 2016 itu menempatkan tujuh agensi kerajaan iaitu JKDM, Jabatan Imigresen, PDRM, pejabat Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Pejabat Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Mitib) dan Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru dan Bahagian Perkhidmatan Far-

masi.

Beliau berkata, sistem U-Customs menjimatkan masa, prosedur pemeriksaan dan pelepasan kastam.

Katanya, dalam tempoh dua bulan ini, sistem baru itu dikembangkan ke Pelabuhan Utara di Pelabuhan Klang, Pulau Pinang, Subang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Pelabuhan Johor.

Katanya, pada masa sama, Pengarah JKDM perlu mempertingkatkan proses dan prosedur di pelabuhan bagi memastikan daya saing negara tidak terjejas.

"Perkara itu perlu me-

ngambil kira kedudukan daya saing negara menerusi Laporan Doing Bisnes oleh Bank Dunia dengan negara jatuh satu anak tangga.

"Saya dipanggil pucuk pimpinan negara dan Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Dr Ali Hamsa) baru-baru ini kerana Daya Saing Negara dalam Doing Business Report 2018, kita jatuh satu anak tangga.

"Bila saya sebut kita, ia merujuk kepada negara dan sekarang ini, kita berada pada kedudukan 24 negara kompetitif daripada 119 negara," katanya.

